



Dasar Pertubuhan dan Undang-Undang Bahagian Pandu Puteri Remaja

**PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA
DASAR PERTUBUHAN DAN UNDANG-UNDANG
BAHAGIAN PANDU PUTERI REMAJA**

SELALU SEDIA

1. **PANDU PUTERI REMAJA**
2. **PASUKAN PANDU PUTERI REMAJA**
3. **ORGANISASI PASUKAN PANDU PUTERI REMAJA**
4. **MESYUARAT JAWATAN KUASA PASUKAN**
5. **KETUA PASUKAN PANDU PUTERI REMAJA**
6. **KETUA KUMPULAN**
7. **PENOLONG KETUA KUMPULAN**
8. **PAKAIAN SERAGAM PANDU PUTERI REMAJA**
9. **PELANTIKAN AHLI BAHARU**
10. **PERSETIAAN, UNDANG-UNDANG, COGAN KATA, ISYARAT, HORMAT, BERJABAT TANGAN, LAMBANG, BENDERA DAN KHIDMAT**
11. **ANUGERAH PANDU PUTERI REMAJA**
12. **CARTA STRUKTUR ORGANISASI PASUKAN, DAERAH, CAWANGAN DAN KEBANGSAAN**

**PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA
DASAR PERTUBUHAN DAN UNDANG-UNDANG
BAHAGIAN PANDU PUTERI REMAJA**

SELALU SEDIA

1. PANDU PUTERI REMAJA

Dasar Program Bahagian Pandu Puteri Remaja membolehkan ahli menghayati dan menguasai ilmu pandu puteri serta menyemai minat dalam pelbagai bidang. Ahli Pandu Puteri Remaja terdiri daripada remaja yang berumur di antara 13 hingga 15 tahun (Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3).

2. PASUKAN PANDU PUTERI REMAJA

- 2.1 Jumlah minimum ahli ialah 16 orang dan jumlah maksimum ialah 60 orang.
- 2.2 Setiap Pasukan Pandu Puteri Remaja dipimpin oleh seorang pemimpin dikenali sebagai Kapten dan dibantu oleh sekurang-kurangnya seorang pemimpin yang dikenali sebagai Leftenan.
- 2.3 Setiap Pasukan Pandu Puteri Remaja baharu hendaklah disahkan oleh Pesuruhjaya Daerah serta didaftarkan secepat mungkin. Borang Pendaftaran Pasukan hendaklah dilengkapkan dan dihantar melalui Pesuruhjaya Daerah dan Ketua Pesuruhjaya Cawangan ke Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri Malaysia berserta yuran pendaftarannya. Yuran pendaftaran pasukan hanya dibayar sekali sahaja.
- 2.4 Sijil pendaftaran ialah hak milik pasukan berkenaan. Jika sijil hilang, bayaran dikenakan untuk mendapatkan sijil ganti.
- 2.5 Setiap Pasukan Pandu Puteri Remaja dikehendaki mengemaskinikan bilangan ahlinya dan memperbaharu pendaftaran keahlian dalam talian di laman sesawang Persatuan Pandu Puteri Malaysia (<https://www.panduputeri.org.my/>) sebelum 31 Mac setiap tahun. Yuran keahlian perlu dihantar ke Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri Malaysia melalui Pesuruhjaya Daerah dan Ketua Pesuruhjaya Cawangan sebelum 31 Mac setiap tahun.
- 2.6 Pasukan Pandu Puteri Remaja didaftarkan mengikut turutan nombor pendaftaran, nama daerah, nama sekolah dan nama cawangan.

Contoh: Pasukan Pandu Puteri Remaja Ketiga, Daerah Kulai,
SMK Bandar Putra, Johor

- 2.7 Perjumpaan pasukan diadakan sekurang-kurangnya dua minggu sekali.

- 2.8 Jawatankuasa Pasukan Pandu Puteri Remaja terdiri daripada:
- Ketua pasukan
 - Penolong ketua pasukan
 - Setiausaha pasukan
 - Penolong setiausaha pasukan
 - Bendahari pasukan
 - Penolong bendahari pasukan
 - Enam orang ketua kumpulan
 - Enam orang penolong ketua kumpulan
- 2.9 Kapten merangkap sebagai pengerusi dan Leftenan sebagai penolong pengerusi dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Pandu Puteri Remaja.
- 2.10 Pasukan memilih secara undi sulit seorang ketua pasukan, setiausaha dan bendahari dalam kalangan ahli pasukan. Ketua kumpulan dipilih dalam kalangan ahli kumpulan sendiri. Penolong ketua kumpulan dilantik oleh ketua kumpulan masing-masing.

3. ORGANISASI PASUKAN PANDU PUTERI REMAJA

- 3.1 Pada perjumpaan pertama, Kapten boleh membahagikan ahli mengikut kumpulan. Setiap kumpulan dianggotai oleh tidak lebih daripada 10 orang ahli termasuk seorang ketua kumpulan dan seorang penolong ketua kumpulan.
- 3.2 Setiap kumpulan dikenali dengan nama bunga yang ditetapkan oleh Persatuan Pandu Puteri Malaysia seperti yang berikut:
- Bunga Kertas;
 - Bunga Lili;
 - Bunga Matahari;
 - Bunga Mawar;
 - Bunga Orkid; dan
 - Bunga Raya.
- 3.3 Bilangan kumpulan dalam pasukan ditentukan oleh Kapten mengikut bilangan ahli.
- 3.4 Setiap kumpulan boleh menyediakan bendera kecil (*pennant*) kumpulan masing-masing untuk digunakan semasa sesi sudut kumpulan dan perkhemahan pasukan.

4. MESYUARAT JAWATANKUASA PASUKAN (*COURT OF HONOUR*)

- 4.1 Mesyuarat jawatankuasa pasukan mesti diadakan sekurang-kurangnya tiga kali setahun.
- 4.2 Agenda mesyuarat jawatankuasa pasukan adalah seperti yang berikut:
- Ucapan aluan pengerusi;
 - Kehadiran;
 - Pengesahan Minit Mesyuarat yang Lalu;
 - Perkara berbangkit;
 - Laporan kewangan pasukan;
 - Laporan aktiviti pasukan;
 - Laporan kumpulan;
 - Perancangan aktiviti seperti perkhemahan, pertandingan, ujian, istiadat, dan hal-hal lain yang berkaitan dengan pasukan; dan
 - Tarikh mesyuarat akan datang.
- 4.3 Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan dipengerusikan oleh Kapten dengan kehadiran wajib ahli-ahli yang berikut:
- Leftenan;
 - Ketua pasukan;
 - Setiausaha / penolong;
 - Bendahari / penolong; dan
 - Semua ketua kumpulan.
- 4.4 Minit mesyuarat dicatat oleh setiausaha dan dilaporkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan. Akaun pasukan mesti disimpan dengan baik oleh bendahari dan diaudit setiap tahun sebelum 31 Disember.
- 4.5 Jawatankuasa ini bertanggungjawab membantu Kapten dan Leftenan mengurus hal ehwal dan pelaksanaan aktiviti pasukan.

5. KETUA PASUKAN PANDU PUTERI REMAJA

Ketua Pasukan hendaklah:

- 5.1 dipilih oleh ahli jawatankuasa pasukan untuk menjadi pembantu pemimpin;
- 5.2 menjadi salur perhubungan antara pemimpin dengan ketua kumpulan serta ahlinya; dan
- 5.3 lulus Prinsip Asas Pandu Puteri Remaja dan telah menjadi ahli Pasukan Pandu Puteri Remaja selama sekurang-kurangnya tiga bulan.

6. KETUA KUMPULAN PASUKAN PANDU PUTERI REMAJA

Ketua Kumpulan Pasukan hendaklah:

- 6.1 dipilih oleh ahli kumpulannya. Setelah dipilih, dia wajib hadir Kursus Ketua Kumpulan;
- 6.2 menerima arahan daripada pemimpin melalui ketua pasukan untuk disalurkan kepada ahli-ahli kumpulannya;
- 6.3 lulus Prinsip Asas Pandu Puteri Remaja dan telah menjadi ahli Pasukan Pandu Puteri Remaja selama sekurang-kurangnya tiga bulan;
- 6.4 bertanggungjawab tentang kebajikan dan kemajuan ahlinya; dan
- 6.5 wajib hadir dan bersuara di Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan mewakili kumpulannya.

7. PENOLONG KETUA KUMPULAN PASUKAN PANDU PUTERI REMAJA

Penolong Ketua Kumpulan Pasukan hendaklah:

- 7.1 dilantik oleh ketua kumpulannya untuk membantu menjaga kebajikan dan kemajuan ahli kumpulan mereka; dan
- 7.2 mewakili ketua kumpulannya di Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan jika beliau tidak dapat hadir.

8. PAKAIAN SERAGAM PANDU PUTERI REMAJA

Pakaian seragam Pandu Puteri Remaja ditetapkan oleh Majlis Kebangsaan Persatuan Pandu Puteri Malaysia. Merujuk *Girl Guides Act 1953, Revised 1991*, pakaian seragam dan semua peralatan **hanya boleh diperoleh** dari Pusat Peralatan Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

- 8.1 Ahli baharu dibenarkan memakai pakaian seragam dengan skaf kuning Pandu Puteri Remaja PPPM dan Lencana Dunia tanpa Lencana Pelantikan.
- 8.2 Pakaian seragam lengkap dipakai oleh ahli baharu selepas dilantik.
- 8.3 Ahli Kumpulan memakai lambang kumpulannya di atas garisan poket sebelah kiri pakaian seragamnya.
- 8.4 Ketua Pasukan mempunyai tiga jalur putih pada poket kiri pakaian seragamnya.
- 8.5 Ketua Kumpulan mempunyai dua jalur putih di poket kiri pakaian seragamnya.
- 8.6 Penolong Ketua Kumpulan mempunyai satu jalur putih pada bahagian tengah poket kiri pakaian seragamnya.

- 8.7 Ketua Pasukan dan semua ketua kumpulan serta penolong ketua kumpulan memakai *lanyard putih* di bawah kolar dan wisel yang terletak dihujung *lanyard* itu dimasukkan ke dalam poket kiri pakaian seragam masing-masing.
- 8.8 Selepas dilantik, ahli wajib memakai pakaian seragam lengkap:
- 8.8.1 pada setiap perjumpaan Pasukan Pandu Puteri Remaja;
 - 8.8.2 dalam majlis istiadat Pandu Puteri;
 - 8.8.3 dalam majlis rasmi Persatuan Pandu Puteri peringkat sekolah, daerah, cawangan dan kebangsaan; dan
 - 8.8.4 dalam majlis rasmi anjuran pihak lain.
- 8.9 Ahli wajib mendapat kebenaran daripada pemimpin untuk memakai pakaian seragam lengkap apabila menghadiri acara selain daripada yang dinyatakan dalam para 8.8
- 8.10 Ahli perlu memakai tanda nama hitam bertulisan putih yang berukuran 17mm x 67mm di atas lambang kumpulannya.
- 8.11 Ahli Pandu Puteri Tunas yang telah memperoleh Anugerah Pandu Puteri Tunas Ketua Pesuruhjaya boleh memakai lencana Anugerah Pandu Puteri Tunas Ketua Pesuruhjaya di selempang pakaian seragam Pandu Puteri Remaja.
- 8.12 Tali Pekelilingan boleh dipakai sebagai sebahagian daripada pakaian seragam Pandu Puteri Remaja apabila semua syarat telah dipenuhi. Tali Pekelilingan dipakai di lengan kiri dan hujung tali dimasukkan ke dalam poket kiri. Tali Pekelilingan ini boleh terus dipakai apabila ahli Pandu Puteri Remaja menjadi ahli Pandu Puteri Renjer.

Nota: Sila rujuk Risalah Rasmi Pakaian Seragam Persatuan Pandu Puteri Malaysia

9. PELANTIKAN AHLI BAHARU

- 9.1 Seorang ahli baharu perlu lulus Prinsip Asas Pandu Puteri Remaja sebelum dilantik.
- 9.2 Istiadat pelantikan dirancang oleh Kapten untuk semua ahli baharu sebaik sahaja mereka lulus Prinsip Asas Pandu Puteri Remaja. Istiadat pelantikan boleh diadakan serentak atau secara berperingkat-peringkat sekiranya bilangan ahli baharu ramai.
- 9.3 Pelantikan hanya boleh dijalankan oleh pemimpin berwaran yang diundang untuk melantik ahli baharu.

Catatan: Elakkan melantik terlalu ramai ahli baharu dalam sesuatu masa.

- 9.4 Istiadat Pelantikan Pandu Puteri Remaja dijalankan dalam formasi ladam kuda.

Nota: Rujuk Buku Kawad dan Istiadat Pandu Puteri Remaja dan Pandu Puteri Renjer keluaran Persatuan Pandu Puteri Malaysia (2018)

10. PERSETIAAN, UNDANG-UNDANG, COGAN KATA, ISYARAT, HORMAT, BERJABAT TANGAN, LAMBANG, BENDERA DAN KHIDMAT

10.1 Persetiaan Pandu Puteri

Bahawa dengan sesungguhnya, saya berjanji dan bersetia, dengan sedaya upaya,

- menunaikan kewajipan saya kepada Tuhan, Raja dan Negara;
- menolong orang setiap masa; dan
- mematuhi Undang-undang Pandu Puteri.

10.2 Undang-undang Pandu Puteri

- i) Seorang Pandu Puteri boleh dipercayai.
- ii) Seorang Pandu Puteri sentiasa taat dan setia.
- iii) Seorang Pandu Puteri suka menolong orang lain.
- iv) Seorang Pandu Puteri bersahabat dengan semua orang dan bersaudara dengan Pandu Puteri yang lain.
- v) Seorang Pandu Puteri sentiasa bersopan santun.
- vi) Seorang Pandu Puteri melindungi haiwan dan memelihara alam sekitar.
- vii) Seorang Pandu Puteri sentiasa menurut perintah.
- viii) Seorang Pandu Puteri sentiasa bersemangat dan bergembira walaupun di dalam kesulitan.
- ix) Seorang Pandu Puteri sentiasa berjimat cermat.
- x) Seorang Pandu Puteri suci dalam fikiran, perkataan dan perbuatan.

10.3 Cogan Kata

Selalu Sedia

10.4 Isyarat

10.4.1 Isyarat Pandu Puteri

Tiga jari tangan kanan ditegakkan, ibu jari diletakkan menindih jari kelengkeng yang bermaksud yang kuat menolong yang lemah. Tangan diangkat ke paras bahu. Tiga jari melambangkan tiga bahagian Persetiaan Pandu Puteri.

10.4.2 Isyarat Wisel

- | | | |
|------|--|--------------------------------------|
| i. | Satu tiupan pendek | SEDIA |
| ii. | Satu tiupan panjang | DIAM atau MEMBATU |
| iii. | Banyak tiupan pendek | SEMUA DATANG CEPAT |
| iv. | Tiupan pendek-panjang-
pendek-panjang | } BERSEDIA atau
AMARAN / BAHAYA |
| v. | Tiupan pendek-pendek-
pendek-panjang | } KETUA KUMPULAN
DATANG KE SINI |
| v. | Tiupan panjang-panjang-panjang | PERGI DARI SINI |
| vi. | Lima tiupan pendek, satu tiupan
panjang, satu tiupan pendek ,
enam tiupan pendek | } PANGGILAN KE DAPUR
KUARTERMATER |

10.4.3 Isyarat Tangan

Nota: Rujuk Jurnal Progresif Pandu Puteri Remaja dan Pandu Puteri Renjer

10.5 Hormat

Pandu Puteri Remaja memberi hormat dengan menunjukkan isyarat pandu puteri pada paras bahu dalam keadaan sedia.

10.6 Berjabat Tangan

Pandu Puteri Remaja berjabat tangan menggunakan tangan kiri dengan ahli pandu puteri lain. Pandu Puteri Remaja menggunakan kedua-dua belah tangan apabila berjabat tangan dengan orang kenamaan dan orang yang bukan ahli.

10.7 Lambang

- 10.7.1 Logo Persatuan Pandu Puteri Malaysia
- 10.7.2 Lencana Pandu Puteri Malaysia
- 10.7.3 Logo Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia (WAGGGS)
- 10.7.4 Lencana Dunia
- 10.7.5 Lencana Pelantikan Pandu Puteri Remaja

10.8 Bendera

- 10.8.1 Bendera Persatuan Pandu Puteri Malaysia
- 10.8.2 Bendera Dunia
- 10.8.3 Bendera Malaysia
- 10.8.4 Bendera negeri sendiri
- 10.8.5 Bendera semua negeri di Malaysia

10.9 Khidmat

Pandu Puteri Remaja memberi khidmat sekurang-kurangnya sekali sehari.

11. ANUGERAH PANDU PUTERI REMAJA

11.1 Rasional

Anugerah Pandu Puteri Remaja ialah anugerah tertinggi dalam program Pandu Puteri Remaja. Anugerah ini diperkenalkan pada 2014. Ianya diiktiraf dan dianugerahkan di peringkat cawangan semasa calon berada di tingkatan 4. Sijil ditandatangani oleh Ketua Pesuruhjaya PPPM dan Ketua Pesuruhjaya Cawangan.

11.2 Prasyarat

Calon Anugerah Pandu Puteri Remaja hendaklah:


- 11.2.1 telah menyempurnakan program Pandu Puteri Remaja di tingkatan 3;
- 11.2.2 menganuti agama atau mempunyai kepercayaan kerohanian;
- 11.2.3 lulus Prinsip Asas Pandu Puteri Remaja;
- 11.2.4 memperoleh Anugerah Jed;
- 11.2.5 memperoleh Lambang Rumah Kecil;
- 11.2.6 memperoleh Tali Pekelilingan;
- 11.2.7 memperoleh Bintang Puteri I;
- 11.2.8 menyempurnakan Buku Log Peribadi Pandu Puteri Remaja; dan
- 11.2.9 mengisi borang permohonan Anugerah Pandu Puteri Remaja. Ketua Pesuruhjaya Cawangan perlu menghantar borang berkenaan dan Borang Buku Log Peribadi ke ibu pejabat Persatuan Pandu Puteri Malaysia selewat-lewatnya 31 Disember semasa calon berada di tingkatan 3

12. CARTA STRUKTUR ORGANISASI PERINGKAT PASUKAN, DAERAH, CAWANGAN DAN KEBANGSAAN

12.1 STRUKTUR ORGANISASI PERINGKAT PASUKAN


Contoh:

PASUKAN PANDU PUTERI REMAJA KETIGA, DAERAH KULAI, SMK BANDAR PUTRA, JOHOR




12.2 STRUKTUR ORGANISASI PERINGKAT DAERAH

JAWATANKUASA BAHAGIAN PANDU PUTERI REMAJA DAERAH



12.3 STRUKTUR ORGANISASI PERINGKAT CAWANGAN

JAWATANKUASA BAHAGIAN PANDU PUTERI REMAJA CAWANGAN



12.4 STRUKTUR ORGANISASI PERINGKAT KEBANGSAAN

JAWATANKUASA BAHAGIAN PANDU PUTERI REMAJA KEBANGSAAN

